



**Manulife**  
Investments

*Diiktiraf oleh*

Anugerah Dana  
LSEG Lipper  
Malaysia 2026

Anugerah Dana  
Islam Global  
LSEG Lipper 2026

Anugerah Morningstar  
bagi Kecemerlangan Pelaburan  
Malaysia 2026

Dibina berlandaskan *Konsistensi*.  
Diiktiraf berasaskan *Prestasi*.  
Terbukti dengan *11 Anugerah*.



**Manulife**  
Investments

11

Anugerah Dana

Manulife Investment Management (M) Berhad berbangga untuk diiktiraf dengan kemenangan 11 anugerah dana daripada tiga anugerah berprestij pada 2026 — **Anugerah Dana LSEG Lipper Malaysia 2026, Anugerah Dana Islam Global LSEG Lipper 2026 dan Anugerah Morningstar bagi Kecemerlangan Pelaburan Malaysia 2026.**

Kejayaan ini mencerminkan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi kepada pelaburan berdisiplin, penyampaian konsisten dan penciptaan nilai jangka panjang bagi para pelabur kami. Meliputi kitaran pasaran dan kawasan geografi, pencapaian ini menekankan kekuatan kepakaran pelaburan kami dan kepercayaan berterusan pelanggan terhadap kami. Sesungguhnya kami amat menghargai keyakinan mereka.

Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan.

Penafian: Anugerah di dalam ini disampaikan oleh LSEG Lipper dan Morningstar, Inc. yang tiada kaitan dengan kami.



### **Manulife Investment Asia-Pacific ex Japan Fund**

**Pemenang Anugerah Dana LSEG Lipper Malaysia 2026**  
**Dana Ekuiti Asia Pasifik tidak termasuk Jepun Terbaik**  
Lebih 3 Tahun & Lebih 5 Tahun (Kumpulan Wang Simpanan Malaysia)  
**Pemenang Anugerah Morningstar bagi Kecemerlangan Pelaburan Malaysia 2026**  
**Dana Ekuiti Asia-Pasifik Terbaik**



### **Manulife Investment Dividend Fund**

**Pemenang Anugerah Dana LSEG Lipper Malaysia 2026**  
**Dana Ekuiti Pendapatan Malaysia Terbaik**  
Lebih 3 Tahun & Lebih 5 Tahun (Kumpulan Wang Simpanan Malaysia)



### **Manulife Investment Shariah Progress Fund**

**Pemenang Anugerah Dana LSEG Lipper Malaysia 2026**  
**Dana Ekuiti Malaysia Bermodal Kecil & Sederhana Terbaik**  
Lebih 10 Tahun (Dana Islam Malaysia)  
**Pemenang Anugerah Dana Islam Global LSEG Lipper 2026**  
**Dana Ekuiti Malaysia Bermodal Kecil & Sederhana Terbaik**  
Lebih 10 Tahun (Dana Islam Global)



### **Manulife Investment-HW Shariah Flexi Fund**

**Pemenang Anugerah Dana LSEG Lipper Malaysia 2026**  
**Dana Aset Bercampur Fleksibel MYR Terbaik**  
Lebih 10 Tahun (Dana Islam Malaysia)  
**Pemenang Anugerah Dana Islam Global LSEG Lipper 2026**  
**Dana Aset Bercampur Fleksibel MYR Terbaik**  
Lebih 10 Tahun (Dana Islam Global)



### **Manulife Investment Al-Fauzan**

**Pemenang Anugerah Dana LSEG Lipper Malaysia 2026**  
**Dana Ekuiti Pendapatan Malaysia Terbaik**  
Lebih 10 Tahun (Dana Islam Malaysia)  
**Pemenang Anugerah Dana Islam Global LSEG Lipper 2026**  
**Dana Ekuiti Pendapatan Malaysia Terbaik**  
Lebih 10 Tahun (Dana Islam Global)

Dana Pemenang Anugerah. Prestasi Yang Dipercayai.



**Manulife**  
Investments

# Manulife Investment Asia-Pacific ex Japan Fund



**Pemenang Anugerah  
Dana LSEG Lipper  
Malaysia 2026**

Dana Ekuiti Asia  
Pasifik tidak termasuk  
Jepun Terbaik  
Lebih 3 Tahun & Lebih  
5 Tahun (Kumpulan Wang  
Simpanan Malaysia)

**Pemenang Anugerah  
Morningstar bagi  
Kecemerlangan  
Pelaburan Malaysia  
2026**


Dana Ekuiti  
Asia-Pasifik Terbaik

## Ciri-ciri penting dana:



### **Memanfaatkan peluang pertumbuhan serantau**

Dana ini komited untuk memaksimumkan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur secara strategik dalam portfolio terpelbagai yang merentasi geografi dan sektor.



### **Penyelidikan & analisis pakar**

Sumber setempat syarikat kami memainkan peranan kritikal untuk mendapatkan maklumat dalam masa nyata daripada pasaran yang kurang cekap dan bersifat tersendiri. Pasukan ini percaya bahawa kakitangan tempatan yang berkhidmat di pasaran-pasaran penting di serata Asia membantu mengatasi perbezaan budaya, bahasa dan cara perniagaan dijalankan di seluruh rantau Asia.



### **Bertumpukan faktor pemacu asas**

Rangka kerja yang ditakrifkan secara khusus, boleh diguna pakai semula dan terbukti yang diamalkan oleh semua ahli dalam pasukan pelaburan ekuiti di seluruh rantau Asia memastikan semua ahli menggunakan kaedah pelaburan yang sama.



### **Rekod pencapaian terbukti dengan prestasi pelaburan kukuh**

Dana mempunyai rekod prestasi pelaburan yang kukuh, memaparkan keberkesanan proses pelaburan kami yang teliti. Rekod pencapaian tersebut membuktikan komitmen kami menghasilkan pulangan dan nilai konsisten untuk pelabur.

## Jumlah pulangan bersih untuk tempoh berakhir 30 Jun 2026 (%)

| YTD   | 3 Tahun | 5 Tahun | 10 Tahun |
|-------|---------|---------|----------|
| 54.48 | 101.37  | 79.37   | 214.03   |

**Sumber:** Lipper. Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan. Prestasi dikira atas dasar NAB kepada NAB. YTD – Sehingga tarikh semasa tahun ini.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza dengan ketara daripada yang ditunjukkan di sini.



**Manulife**  
Investments



**Pemenang  
Anugerah Dana  
LSEG Lipper  
Malaysia 2026**  
Dana Ekuiti  
Pendapatan Malaysia  
Terbaik  
Lebih 3 Tahun & Lebih  
5 Tahun (Kumpulan Wang  
Simpanan Malaysia)

## Manulife Investment Dividend Fund

### Ciri-ciri penting dana:



#### **Potensi untuk menjana pendapatan berkala**

Dana memberi tumpuan kepada saham-saham dengan kadar dividen tinggi, memberikan aliran pendapatan yang menarik dan mapan kepada pelabur. Dengan kadar agihan purata 5.8% dari 2016 hingga 2025, Dana berpotensi membekalkan aliran pendapatan konsisten bagi pelabur.



#### **Raih dua manfaat sekali gus – pertumbuhan & pendapatan**

Di samping saham yang membayar kadar dividen tinggi, Dana juga melabur dalam saham yang berpotensi menghasilkan dividen – syarikat-syarikat yang mencatatkan pertumbuhan dan berupaya untuk menjadi saham yang membayar dividen lumayan apabila pendapatan dan aliran tunai mereka semakin kukuh. Strategi ini sekali gus membolehkan pelabur meraih manfaat peningkatan modal dan juga pengagihan pendapatan.



#### **Memanfaatkan peluang pelaburan serantau**

Dana mengiktiraf kepentingan proses mempelbagaikan pelaburan di kawasan geografi berbeza, memberikan fleksibiliti untuk kami melabur sehingga 25% daripada nilai aset bersih dalam saham-saham di rantau Asia Pasifik untuk merebut peluang pelaburan di peringkat serantau.



#### **Rekod pencapaian terbukti dengan prestasi pelaburan kukuh**

Dana mempunyai rekod prestasi pelaburan mantap, yang jelas dilihat daripada keberkesanan proses pelaburannya yang teliti.

### Jumlah pulangan bersih untuk tempoh berakhir 30 Jun 2026 (%)

| YTD  | 3 Tahun | 5 Tahun | 10 Tahun |
|------|---------|---------|----------|
| 2.48 | 40.67   | 40.42   | 49.92    |

**Sumber:** Lipper. Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan. Prestasi dikira atas dasar NAB kepada NAB. YTD – Sehingga tarikh semasa tahun ini.



#### **Berlandaskan tema pelaburan penting dalam jangka panjang**

Banyak syarikat memanfaatkan tema pelaburan penting seperti deglobalisasi/penggantian rantaian bekalan (cth pengeluar komponen elektronik), teknologi/pendigitalan (cth 5G, bioteknologi, automasi), serta tenaga boleh diperbaharui (cth tenaga solar).

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza dengan ketara daripada yang ditunjukkan di sini.



**Manulife**  
Investments

# Manulife Investment Shariah Progress Fund



**Pemenang  
Anugerah Dana  
LSEG Lipper  
Malaysia 2026**

Dana Ekuiti Malaysia  
Bermodal Kecil &  
Sederhana Terbaik  
Lebih 10 Tahun  
(Dana Islam Malaysia)

**Anugerah Dana Islam  
Global LSEG Lipper  
2026**

Dana Ekuiti Malaysia  
Bermodal Kecil &  
Sederhana Terbaik  
Lebih 10 Tahun  
(Dana Islam Global)

## Ciri-ciri penting dana:



### **Peruntukan aset yang dinamik dan fleksibel**

Dana mempunyai fleksibiliti untuk bertukar kepada ekuiti apabila pasaran saham menaik dan bertukar kepada bon dan/atau instrumen pasaran wang apabila pasaran saham menurun. Pada mana-mana satu tempoh, campuran aset juga mungkin terdiri daripada semua kelas aset.



### **Pelaburan patuh Shariah**

Dana melabur semata-mata dalam ekuiti dan instrumen berkaitan ekuiti patuh Shariah Malaysia dengan tumpuan terhadap pelaburan yang menjana pertumbuhan pendapatan lebih tinggi daripada purata, mempunyai kedudukan daya saing yang kukuh dan menunjukkan potensi menjana pulangan yang lebih tinggi.



### **Tumpuan kepada strategi barbel**

Dana akan terus mengekalkan strategi kualiti, memberi tumpuan terutamanya pada saham bermodal besar. Pemilihan saham adalah berasaskan kaedah dari bawah ke atas, dengan kecenderungan untuk memilih syarikat-syarikat dengan lembaranimbangan yang kukuh dan potensi pendapatan yang jelas.



### **Rekod pencapaian terbukti dengan prestasi pelaburan kukuh**

Dana mempunyai rekod prestasi pelaburan mantap, yang jelas dilihat daripada keberkesanan proses pelaburannya yang teliti.

## Jumlah pulangan bersih untuk tempoh berakhir 30 Jun 2026 (%)

| YTD    | 3 Tahun | 5 Tahun | 10 Tahun |
|--------|---------|---------|----------|
| (5.91) | 28.92   | 6.82    | 55.45    |

**Sumber:** Lipper. Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan. Prestasi dikira atas dasar NAB kepada NAB. YTD – Sehingga tarikh semasa tahun ini.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza dengan ketara daripada yang ditunjukkan di sini.



**Manulife**  
Investments

# Manulife Investment-HW Shariah Flexi Fund



**Pemenang  
Anugerah Dana  
LSEG Lipper  
Malaysia 2026**

Dana Aset Bercampur  
Fleksibel MYR Terbaik  
Lebih 10 Tahun  
(Dana Islam Malaysia)

**Anugerah Dana Islam  
Global LSEG Lipper  
2026**

Dana Aset Bercampur  
Fleksibel MYR Terbaik  
Lebih 10 Tahun  
(Dana Islam Global)

## Ciri-ciri penting dana:




### **Peruntukan aset yang dinamik dan fleksibel**

Dana mempunyai fleksibiliti untuk bertukar kepada ekuiti apabila pasaran saham menaik dan bertukar kepada bon dan/atau instrumen pasaran wang apabila pasaran saham menurun. Pada mana-mana satu tempoh, campuran aset juga mungkin terdiri daripada semua kelas aset.



### **Pelaburan patuh Shariah**

Dana melabur semata-mata dalam ekuiti dan instrumen berkaitan ekuiti patuh Shariah Malaysia dengan tumpuan terhadap pelaburan yang menjana pertumbuhan pendapatan lebih tinggi daripada purata, mempunyai kedudukan daya saing yang kukuh dan menunjukkan potensi menjana pulangan yang lebih tinggi.



### **Tumpuan kepada strategi barbel**

Dana akan terus mengekalkan strategi kualiti, memberi tumpuan terutamanya pada saham bermodal besar. Pemilihan saham adalah berasaskan kaedah dari bawah ke atas, dengan kecenderungan untuk memilih syarikat-syarikat dengan lembaranimbangan yang kukuh dan potensi pendapatan yang jelas.



### **Rekod pencapaian terbukti dengan prestasi pelaburan kukuh**

Dana mempunyai rekod prestasi pelaburan mantap, yang jelas dilihat daripada keberkesanan proses pelaburannya yang teliti.

## Jumlah pulangan bersih untuk tempoh berakhir 30 Jun 2026 (%)

| YTD  | 3 Tahun | 5 Tahun | 10 Tahun |
|------|---------|---------|----------|
| 4.11 | 47.77   | 34.07   | 87.31    |

**Sumber:** Lipper. Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan. Prestasi dikira atas dasar NAB kepada NAB. YTD – Sehingga tarikh semasa tahun ini.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza dengan ketara daripada yang ditunjukkan di sini.



**Manulife**  
Investments

## Manulife Investment Al-Fauzan



**Pemenang  
Anugerah Dana  
LSEG Lipper  
Malaysia 2026**  
Dana Ekuiti  
Pendapatan Malaysia  
Terbaik  
Lebih 10 Tahun  
(Dana Islam Malaysia)

**Anugerah Dana Islam  
Global LSEG Lipper  
2026**  
Dana Ekuiti  
Pendapatan Malaysia  
Terbaik  
Lebih 10 Tahun  
(Dana Islam Global)

### Ciri-ciri penting dana:



#### **Potensi untuk menjana pendapatan berkala**

Dana memberi tumpuan kepada saham-saham dengan kadar dividen tinggi, memberikan aliran pendapatan yang menarik dan mapan kepada pelabur. Dengan kadar agihan purata 6.5% dari 2016 hingga 2025, Dana berpotensi membekalkan aliran pendapatan konsisten bagi pelabur.



#### **Raih dua manfaat sekali gus – pertumbuhan & pendapatan**

Di samping saham yang membayar kadar dividen tinggi, Dana juga melabur dalam saham yang berpotensi menghasilkan dividen – syarikat-syarikat yang mencatatkan pertumbuhan dan berupaya untuk menjadi saham yang membayar dividen lumayan apabila pendapatan dan aliran tunai mereka semakin kukuh. Strategi ini sekali gus membolehkan pelabur meraih manfaat peningkatan modal dan juga pengagihan pendapatan.



#### **Memanfaatkan peluang pelaburan serantau**

Dana mengiktiraf kepentingan proses mempelbagaikan pelaburan di kawasan geografi berbeza, memberikan fleksibiliti untuk kami melabur sehingga 25% daripada nilai aset bersih dalam saham-saham di rantau Asia Pasifik untuk merebut peluang pelaburan di peringkat serantau.



#### **Rekod pencapaian terbukti dengan prestasi pelaburan kukuh**

Dana mempunyai rekod prestasi pelaburan mantap, yang jelas dilihat daripada keberkesanan proses pelaburannya yang teliti.

### Jumlah pulangan bersih untuk tempoh berakhir 30 Jun 2026 (%)

| YTD  | 3 Tahun | 5 Tahun | 10 Tahun |
|------|---------|---------|----------|
| 4.51 | 30.79   | 28.08   | 55.97    |

**Sumber:** Lipper. Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan. Prestasi dikira atas dasar NAB kepada NAB. YTD – Sehingga tarikh semasa tahun ini.



#### **Berlandaskan tema pelaburan penting dalam jangka panjang**

Banyak syarikat memanfaatkan tema pelaburan penting seperti deglobalisasi/penggantian rantai bekalan (cth pengeluar komponen elektronik), teknologi/pendigitalan (cth 5G, bioteknologi, automasi), serta tenaga boleh diperbaharui (cth tenaga solar).

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza dengan ketara daripada yang ditunjukkan di sini.



**Penafian:** Anugerah di dalam ini disampaikan oleh LSEG Lipper dan Morningstar, Inc. yang tiada kaitan dengan kami.

Anugerah Dana LSEG Lipper yang diberikan setiap tahun mengiktiraf dana dan syarikat dana cemerlang yang menghasilkan prestasi dilaraskan risiko yang kukuh dan konsisten berbanding syarikat seangkatan. Anugerah Dana LSEG Lipper adalah berasaskan penarafan Pemimpin Lipper bagi Pulangan Konsisten, yang merupakan ukuran prestasi objektif, kuantitatif, dilaraskan risiko yang dikira untuk tempoh 36, 60 dan 120 bulan. Dana dengan nilai Pemimpin Lipper bagi Pulangan Konsisten (Pulangan Efektif) dalam setiap klasifikasi layak memenangi Anugerah Dana LSEG Lipper. Untuk maklumat lanjut, layari [lipperfundawards.com](http://lipperfundawards.com). Walaupun LSEG Lipper telah berusaha secara sewajarnya untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang terkandung di dalam ini, ketepatannya tidak dijamin oleh LSEG Lipper.

Morningstar Medalist Rating ialah ringkasan analisis tinjauan masa depan Morningstar bagi strategi pelaburan seperti yang ditawarkan menerusi kaedah tertentu menggunakan skala penarafan Emas, Perak, Gangsa, Neutral, dan Negatif. Pasukan penyelidikan global mengeluarkan laporan penyelidikan terperinci yang meliputi kaedah pelaburan, kelas aset dan geografi. Medalist Rating bukan kenyataan fakta mahupun penarafan kredit atau risiko, dan tidak harus digunakan sebagai satu-satunya asas untuk membuat keputusan pelaburan. Medalist Rating bukan bertujuan untuk mencerminkan atau menjamin prestasi masa depan. Siaran akhbar ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja; rujukan kepada sekuriti tidak harus dianggap tawaran atau permintaan untuk membeli atau menjual sekuriti.

©2026 Morningstar. Semua Hak Terpelihara. Maklumat, data, analisis dan kandungan yang terdapat di dalam ini (1) termasuk maklumat sulit dan hak milik daripada Morningstar, syarikat gabungan dan/atau penyedia kandungannya, (2) tidak boleh disalin atau diedarkan semula, (3) tidak mewakili nasihat pelaburan yang ditawarkan oleh Morningstar, (4) disediakan semata-mata untuk tujuan maklumat dan bukan tawaran untuk membeli atau menjual sekuriti, dan (5) tidak dijamin sebagai lengkap, jitu atau tepat pada masanya. Prestasi masa lepas tidak menjamin keputusan masa depan. Sama ada Morningstar atau syarikat gabungan mahupun penyedia kandungannya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang keputusan perdagangan atau kerugian lain yang timbul daripada atau berkaitan dengan maklumat, data, analisis atau pandangan ini atau penggunaan atau pengedarannya.

Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk bertarikh 3 Januari 2023 dan Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2023 dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 3 Ogos 2026; Prospektus Induk bertarikh 15 Mei 2023 dan Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2023 dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 12 Februari 2025 dan Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 3 Jun 2025 dan Prospektus Induk Tambahan Keempat bertarikh 30 Jun 2025; dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk masing-masing (secara bersama dinamakan "Dokumen Tawaran") yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan SC, bagaimanapun pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.

Manulife Investment Management (M) Berhad No. Pendaftaran: 200801033087 (834424-U) (seterusnya dirujuk sebagai "Manulife IM (Malaysia)") ialah anak syarikat milik penuh Manulife Holdings Berhad dan memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi pengurusan dana, yang mengurus niaga dalam sekuriti yang terhad kepada unit amanah, urus niaga dalam skim persaraan swasta dan perkhidmatan perancangan kewangan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Manulife IM (Malaysia) beroperasi di bawah jenama Manulife Investment Management yang merupakan segmen pengurusan kekayaan dan aset global Manulife Financial Corporation. Maklumat yang terkandung di dalam ini adalah untuk kegunaan eksklusif penerima yang dibenarkan untuk menerimanya di bawah undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa bagi bidang kuasa yang berkenaan. Maklumat tertentu dalam bahan ini mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan, anggaran atau trend pembangunan lain bagi pasaran kewangan. Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku dan keputusan sebenar mungkin berbeza dengan ketara daripada apa yang terkandung di dalam ini.

Maklumat yang terkandung di dalam ini telah diperolehi dan/atau diambil daripada sumber yang dianggap boleh dipercayai. Manulife IM (Malaysia) tidak membuat sebarang pernyataan tentang ketepatan atau kelengkapan dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada atau kerana bergantung kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian maklumat ini atau sebarang maklumat yang terkandung dalam laman web pihak ketiga yang dikaitkan dengan bahan ini. Baik Manulife IM (Malaysia) atau syarikat gabungannya, mahupun mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan tidak akan menanggung sebarang liabiliti atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung atau apa-apa kesan daripada mana-mana orang yang bertindak atau tidak bertindak menurut maklumat yang terkandung di dalam ini. Pelaburan melibatkan risiko, termasuk kehilangan wang pokok. Pelabur seharusnya bergantung kepada penilaian sendiri untuk menentukan manfaat dan risiko pelaburan. Dalam mempertimbangkan pelaburan atau maklumat yang disediakan, pelabur yang ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil hendaklah menghubungi penasihat profesional mereka. Maklumat yang disediakan di dalam ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak harus dianggap dan tidak membentuk sebahagian daripada tawaran atau permintaan untuk membeli atau menjual apa-apa dana unit amanah/ dana borong/ skim persaraan swasta. Maklumat yang terkandung di dalam ini mungkin tertakluk kepada perubahan tanpa memberikan notis terlebih dahulu dan tidak boleh dihasilkan semula, diedarkan atau diterbitkan oleh mana-mana penerima untuk sebarang tujuan.